

04 NOV 1998

APEC-SIDANG KEMUNCAK/I

PEMIMPIN APEC NAK TUMPU PADA KRISIS EKONOMI SEMASA DI SIDANG KEMUNCAK

Oleh: S.Durga Varma

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Krisis kewangan yang melumpuhkan Asia dan langkah-langkah untuk memulihkan keyakinan para pelabur di rantau ini akan hebat diperbincangkan pada Sidang Kemuncak Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) mulai 14 Nov ini di sini.

Mesyuarat peringkat tinggi itu akan menonjolkan isu-isu penting berkaitan dengan liberalisasi sistem kewangan sejagat dan sejauh manakah peranan dan sumbangan APEC dalam menangani masalah-masalah ini.

Pengarah eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan (ABAC) APEC, Dr Shafiq Sit Abdullah memberitahu Bernama hari ini bahawa pemulihan kestabilan kewangan di rantau ini diberi keutamaan oleh APEC.

Katanya pasukan petugas krisis kewangan ABAC akan mencadangkan satu mekanisme yang memerlukan kerjasama serantau untuk memperbaiki krisis semasa dan membentuk satu rangka kerja untuk pembangunan dasar masa depan.

Krisis tersebut menjadikannya perlu untuk menyalurkan modal asing secara besar-besaran dalam bentuk hutang jangka panjang atau ekuiti ke dalam sektor swasta ke negara-negara yang terjejas agar dapat memperbaiki struktur kewangan syarikat-syarikat yang terbabit, katanya.

Bagaimanapun, Dr Shafiq menambah bahawa kebanyakan negara berada di bawah penarafan gred pelaburan dan para pelabur pula agak keberatan kerana bimbang akan risiko tukaran asing, kadar faedah dan bakal kemungkaran.

"Pembangunan rangka kerja yang memberi akses kepada pasaran melalui instrumen kewangan gred pelabur mungkin berguna dalam menyemai keyakinan dan menggalakkan aliran modal yang diperbaharui ke dalam rantau ini.

"Kami mencadangkan penubuhan satu mekanisme untuk meningkatkan kredit bon kerajaan, yang dikuasai dalam matawang yang sah diperlakukan, yang diterbitkan oleh negara-negara yang terjejas," katanya.

Di antara pilihan yang dibincangkan setakat ini ialah menimbang bentuk jaminan, terbitan bon kerajaan boleh tukar yang baru dan langkah-langkah berdasarkan konsep tanggungjawab bon bercagar atau collateralised bond obligations (CBOs).

CBO digunakan untuk menarik modal baru kepada pasaran hutang baru muncul selepas krisis kewangan Mexico yang berlaku pada 1994, kata Dr Shafiq.

ABAC menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu yang bertemakan "APEC Baru Untuk Alaf Baru," yang memberi peluang keemasan kepada para pemimpin dunia serta korporat untuk bertemu.

Kira-kira 1,500 ketua eksekutif, pemimpin korporat dan ahli ekonomi dari negara-negara anggota APEC dijangka menghadiri Sidang tersebut, yang juga bertujuan menggalakkan perniagaan dan perikatan strategik di kalangan para usahawan.

Seramai 90 penceramah, terutamanya pemimpin korporat dan ahli ekonomi, termasuk kerusi APEC bagi 1998, perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mengesahkan penyertaan mereka ke Sidang tersebut.

Dr Shafiq juga berkata Malaysia, sebagai tuan rumah pada Sidang Kemuncak Perniagaan tahun ini, akan melancarkan "APEC Global Inverview," Multimedia telepersidangan MSC-video, iaitu forum multimedia yang akan membolehkan pelajar-pelajar dari Malaysia, Amerika Syarikat dan negara-negara APEC yang lain menemuramah pemimpin-pemimpin APEC dan tokoh-tokoh perniagaan.

Temuramah tersebut akan disiarkan secara langsung di negara-negara anggota dan boleh diakses melalui Internet.

Bagi tahun ini, Dr Shafiq berkata APEC Global Interview akan mempamerkan bahawa Malaysia komited terhadap pembangunan projek-projek kemasyarakatan sejagat.

-- BERNAMA

DVS MA